



Ikatan Alumni, Aspirasi Negeri

Menteri Besar Pahang &
Mahasiswa Anak Pahang
Universiti Sains Malaysia

Universiti Sains Malaysia (USM) dengan penuh rasa bangga menerima kehadiran **YAB Dato' Seri Diraja Wan Rosdy bin Wan Ismail**, Menteri Besar Pahang, dalam **Majlis Hi Tea dan Ramah Mesra** bersama mahasiswa Anak Pahang di USM. Majlis yang dianjurkan oleh **Persatuan Mahasiswa Anak Pahang (PERDAMA) USM** dengan kerjasama **Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA) USM** ini berlangsung dalam suasana penuh kemesraan dan keakraban.

Lebih istimewa, Dato' Seri Diraja Wan Rosdy yang merupakan alumni USM tahun 1995 dalam bidang Sains Kemasyarakatan dari Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) telah dianugerahkan Tokoh Alumni Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM sebagai penghormatan atas pencapaian cemerlang beliau dalam kepimpinan dan pembangunan negeri. Penganugerahan ini telah disampaikan oleh Naib Canselor USM, Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman bin Mohamed, dengan irungan Dekan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Prof. Madya Dr. Zulnaidi bin Yaacob.

Dalam majlis tersebut, Dato' Seri Naib Canselor turut berbesar hati menyampaikan cenderamata daripada Pusat Pembangunan Alumni USM serta Unit Peneraju Inovasi Sosial dan Pemindahan Ilmu kepada YAB Menteri Besar Pahang sebagai tanda penghargaan atas hubungan erat yang terjalin antara beliau dan alma mater tercinta.

Majlis ini bukan sekadar pertemuan alumni, tetapi juga satu manifestasi **ukhwah dan jalinan erat** antara universiti dan para alumninya, yang diyakini mampu terus membantu USM mencapai **visi dan misinya sebagai universiti terkemuka dunia**. Semoga hubungan yang terjalin ini terus diperkuuh dan menjadi inspirasi kepada generasi mahasiswa dalam mencipta kejayaan.





Bengkel Pemerkasaan Alumni: Merangka Masa Depan Bersama



Universiti Sains Malaysia (USM) terus komited dalam memperkuuh jaringan dan pengurusan alumni dengan penganjuran **Bengkel Pemerkasaan Alumni USM Tahun 2025**, yang berlangsung di Amari SPICE Penang. Bengkel ini telah disempurnakan oleh Profesor Dr. Shaharum Bin Shamsuddin, Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA) USM, serta melibatkan penyertaan pegawai-pegawai kanan USM dan wakil Persatuan Alumni USM sebagai peserta utama.



Bengkel ini diadakan sebagai satu platform strategik bagi **menilai semula garis panduan pengurusan alumni** di peringkat universiti serta membincangkan **inisiatif penambahbaikan** terhadap perancangan program dan aktiviti berkaitan alumni USM. Dengan kehadiran peserta ini, bengkel ini menjadi wadah perbincangan yang signifikan dalam memastikan setiap program yang dirancang **mampu memberi impak positif kepada alumni** serta menyokong pembangunan berterusan USM.

Selain itu, bengkel ini juga menekankan **kepentingan koordinasi yang lebih mantap** antara pelbagai pihak dalam USM, termasuk **Persatuan Alumni USM**, agar segala usaha yang dilaksanakan dapat berjalan dengan lebih lancar dan efektif. Penyelarasian yang baik antara universiti dan alumni bukan sahaja dapat mengukuhkan **hubungan universiti-alumni**, malah dapat membantu dalam mencapai agenda pembangunan strategik yang telah ditetapkan oleh USM.

Semoga inisiatif ini menjadi titik tolak kepada **usaha berterusan dalam memperkuuhkan hubungan alumni dengan universiti**, sekaligus menjadikan USM sebagai institusi yang terus dihormati dan disegani di peringkat nasional serta antarabangsa.



Connect with us!

Website



Facebook

LinkedIn

Editor: Suraya Shazlin
Penulis: Syahnaz Riza
Penyunting: Ahmad Wafi
Foto: Siti Zulaiha